

03 APR 2000

UMNO NAK DAPATKAN SENARAI 900 PENGUNDI YANG DIGUGURKAN

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Umno akan mendapatkan senarai 900 orang pengundi yang digugurkan daripada senarai pengundi pada pilihan raya kecil Sanggang, kata presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata senarai itu akan membolehkan parti menentukan sama ada mereka digugurkan atas sebab telah meninggal dunia, berpindah atau sebab-sebab lain.

"Kita dapati bahawa 900 orang daripada pengundi itu telah digugurkan dan kita ingin dapat senarai 900 orang yang digugurkan ini supaya dapat ditentukan sama ada mereka telah mati, pindah atau sebab-sebab," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dr Mahathir juga berkata terdapat 12 orang pengundi yang tidak dapat mengundi kali ini kerana nama mereka digugurkan, walaupun mereka masih menetap di kawasan DUN terbabit.

"Yang nyata ialah 12 orang pengundi kita yang dahulu, tidak dapat mengundi kali ini kerana nama mereka digugurkan tapi mereka masih menetap di situ," katanya.

Dalam pilihan raya itu, calon Barisan Nasional Redzuan Harun menewaskan calon PAS Datuk Hishamuddin Yahya dengan kelebihan 1,963 undi. Sejumlah 76.28 peratus daripada 15,276 pengundi berdaftar dalam kawasan itu keluar mengundi.

Perdana Menteri berkata Umno juga akan cuba sedaya upaya untuk menunaikan janji-janji yang dibuat semasa kempen pilihan raya kecil terbabit.

-- BERNAMA
RV LAT